

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

1. Setelah diisytiharkan sebagai Majlis Bandaraya pada 16 September 2019, adakah MBSP mempunyai perancangan bagi memantapkan lagi servis pembersihan am dan menaik taraf tapak tong sampah sedia ada serta kemudahan awam di Seberang Perai khususnya di KADUN Penaga selaras dengan kenaikan harga cukai taksiran?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Selepas pengisytiharan sebagai Majlis Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telahpun menyediakan perancangan Halatuju Strategik kearah Bandaraya Seberang Perai yang mampan dan hijau dengan anggaran peruntukan berjumlah RM138,536,346.40. Berikut adalah senarai perancangan serta peruntukan bagi memantapkan perkhidmatan di seluruh kawasan Seberang Perai:

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH (RM)
1.	Pendidikan Kesihatan, Kebersihan Dan Pengindahan	10,000.00
2.	Penyelenggaraan Tapak Pelupusan Sampah Ampang Jajar	100,000.00
3.	Pelbagai Pengurusan Tempat Membuang Sampah	150,000.00
4.	Kontrak Pembersihan Bersepadu (Pulau Aman)	150,000.00
5.	Bekalan Tong-Tong Sampah	500,000.00
6.	Bekalan Peralatan Kecil Pembersihan Dan Pengindahan	1,300,000.00
7.	Perbelanjaan Kenderaan	2,930,000.00
8.	Transfer Station	4,449,456.00

9.	Bayaran Tipping Fees Untuk Pelupusan Sampah Pulau Burung	13,000,000.00
10.	Kontrak Pembersihan (MARRIS)	34,349,890.40
11.	Emolumen Kakitangan	36,597,000.00
12.	Pembelian Kenderaan (Pinjaman Bank)	45,000,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		138,536,346.40

Langkah penjenamaan semula sistem pembersihan yang diambil selaras dengan Halatuju Strategik kearah Bandaraya Seberang Perai yang mampan dan hijau. Langkah penjenamaan semula sistem pembersihan ini melibatkan keseluruhan Seberang Perai termasuk KADUN Penaga seperti berikut:

- (i) Memperluaskan skop pembersihan ke kampung-kampung yang mempunyai rezab laluan serta permukaan bertar tidak kurang 8 kaki;
- (ii) Memperluaskan skop pembersihan ke pantai-pantai yang menjadi lokasi popular untuk beriadah;
- (iii) Pelan Tindakan Pembersihan dan Pelan Tindakan Pemantauan Pembersihan kontraktor supaya Seberang Perai bersih;
- (iv) Menstruktur semula zon pembersihan;
- (v) Melantik kontraktor baru yang berwibawa untuk semua zon pembersihan;
- (vi) Memantapkan pengurusan jabatan, *Business Process Reengineering* (BPR) Penyelenggaraan kenderaan di PUSKEB, menyediakan bajet pembelian kenderaan baharu seperti *compactor* dan *backhoe*;
- (vii) Mewujudkan sistem penyeliaan nisbah 1:10 satu penyelia bagi setiap 10 pekerja;
- (viii) Memperkemaskan sistem demerit, menamatkan kontrak pembersihan selepas 25% pemotongan berturut-turut dan memasukkan klausa penamatan ini dalam perjanjian;

- (ix) Menyediakan *Standby team* pembersihan untuk mengambil alih kerja-kerja pembersihan daripada kontraktor yang ditamatkan;
- (x) Mewujudkan senarai semak yang jelas bagi setiap lapisan pekerja;
- (xi) Memberi latihan kepada penyelia dan pekerja mengenai kerja-kerja yang perlu dilaksanakan secara *hands on* berpandukan kepada senarai semak tugas; dan
- (xii) Mewujudkan sistem pemantauan pembuangan sampah haram yang berkesan.

Selain itu, MBSP turut memperuntukkan sebanyak RM7,000.00 bagi menaiktaraf empat lokasi tapak tong sampah di KADUN Penaga. Bagi kemudahan awam pula, MBSP telah menyediakan beberapa cadangan bagi menaik taraf kemudahan awam di KADUN Penaga. Antara cadangan yang disediakan oleh MBSP adalah membina dan menaiktaraf laluan pejalan kaki serta kerja-kerja berkaitannya di kawasan lapang Lorong Penaga 8, Taman Penaga, SPU dengan anggaran kos bernilai RM50,000.00. Selain itu, MBSP juga bercadang untuk membina dan menaiktaraf laluan pejalan kaki serta kerja-kerja berkaitannya di kawasan lapang Lorong Perda Indah 1, Taman Perda Indah, Tasek Gelugor, SPU dengan anggaran kos bernilai RM60,000.00.

MBSP juga bercadang untuk menurap semula jalan-jalan di Jalan Penaga, Taman Penaga dengan anggaran kos bernilai RM100,000.00 dan di Taman Kuala Bekah dengan anggaran kos bernilai RM200,000.00. Selain itu, MBSP juga akan menaiktaraf parit di Taman Desa Kuala Muda dengan anggaran kos bernilai RM95,600.00.

Melalui kenaikan cukai taksiran, MBSP mampu untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik untuk rakyat khususnya perkhidmatan pembersihan am dan menaik taraf kemudahan awam untuk dinikmati oleh seluruh rakyat Pulau Pinang.